



# **POLISI KESELAMATAN ICT PEJABAT DAERAH DAN TANAH PERAK TENGAH, SERI ISKANDAR**



Versi 2.0 2023

## 1. **Gunakan Kata Laluan**

- Gunakan kata laluan yang kreatif (gabungan huruf , nombor dan simbol).
- Elakkan daripada mendedah kata laluan kepada orang lain.
- Sentiasa menukar kata laluan secara berkala dan elak dari menggunakan kata laluan yang sama atau berulang.
- Sulitkan (*encrypt*) penghantaran dokumen rasmi kerajaan dengan kata laluan.
- Elakkan menghantar dokumen rasmi kerajaan bersama-sama dengan kata laluan.

## 2. **Kemaskini perisian keselamatan**

- Lengkapkan komputer dan gajet dengan perisian keselamatan (seperti *anti – virus* atau *anti – spyware*) terkini.
- Elakkan daripada menggunakan perisian keselamatan yang telah tamat tempoh.

- Gunakan perisian tulen.

### 3. **Simpan dan lindungi maklumat**

- Elakkan daripada memuat naik dokumen rasmi kerajaan dalam *public cloud*.
- Sentiasa imbas peranti storan sebelum menggunakannya.
- Sentiasa sediakan salinan pendua (*backup*) maklumat digital secara berkala.
- Elakkan meninggalkan komputer atau gajet tanpa sebarang pengawasan.
- Putuskan sambungan internet atau *wi-fi* sekiranya tidak menggunakannya lagi.
- Pastikan meja kerja dikemas dan semua maklumat rasmi (termasuk yang berada di dalam media storan) disimpan di tempat yang selamat dan berkunci.

### 5. **Beretika ketika menggunakan Internet dan emel rasmi kerajaan**

- Pastikan alamat emel dan kata laluan rasmi tidak digunakan dalam akaun peribadi media sosial.
- Elakkan daripada berkongsi maklumat peribadi dan maklumat berkaitan tugas rasmi di internet dan media social.

- Elakkan memuat turun sebarang aplikasi yang tidak diketahui tahap keselamatannya.

## 6. **Waspada jenayah siber**

- Jangan benarkan individu lain menggunakan identiti dan kata laluan akaun emel dan media.
- Elakkan daripada melayari laman web dan blog yang berunsur lucah, fitnah , hasutan, skim cepat kaya dan ideology keganasan.
- Elakkan dari menyebarkan kandungan berunsur lucah, fitnah , hasutan, skim cepat kaya dan ideologi keganasan.

## 7. **Fikir dulu sebelum klik**

Jangan klik pada emel, pautan atau lampiran yang mencurigakan(termasuk orang yang tidak dikenali). Padamkan emel tersebut.

## 8. **Laporkan**

- Laporkan dengan segera kehilangan sebarang aset ICT Kerajaan (seperti peranti storan, komputer riba, komputer).
- Laporan emel atau pautan yang mencurigakan atau dari orang yang tidak dikenali kepada Unit Teknologi Maklumat.

- Laporan kepada pihak berkuasa sekiranya berlaku sebarang insiden jenayah siber seperti penipuan internet.

9. **Ambil Tahu**

- Peka dengan tren ancaman siber terkini.
- Peka, fahami dan waspada mengenai kesan-kesan negatif akibat penyalahgunaan internet.

10. **Patuhi**

- Ketahui dan patuhi polisi, arahan, peraturan, garis panduan dan pekeliling berkaitan keselamatan siber yang dikeluarkan oleh agensi/organisasi anda dan kerajaan.